

# Penguatkuasaan bermula hari ini

## Penguatkuasaan Lesen Runcit Barangan Kawalan, gula, tepung dan minyak masak

**MENTERI** Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, pemantauan menyeluruh dengan membuat pemeriksaan di premis-premis dan kedai yang tidak mempunyai lesen akan dilakukan selepas berkuatkuasanya lesen ini.

Justeru, mereka yang telah memiliki lesen perlu mempamerkan lesen itu di kedai masing-masing bagi memudahkan pihak berkuasa membuat pemeriksaan.

Pemantauan ini dilakukan bagi memastikan tidak ada peruncit yang menjual tanpa lesen sekali gus memberantas penyeludupan.

Ikuti soal jawab khas wartawan **NOR KHALILAH GUSTI HASSAN** bersama orang penting yang menjaga hal ehwal pengguna

berhubung pelaksanaan itu.

**SH:** Selepas kerajaan melonggarkan syarat permohonan dengan menyelaraskan gula, tepung dan minyak masak di bawah satu Lesen Runcit Barangan Kawalan, bagaimanakah maklum balas dari segi permohonan yang diterima KPDNKK?

**ISMAIL SABRI:** Sehingga 23 Jun 2010 sebanyak 30,445 lesen dikeluarkan. Dari semasa ke semasa pertambahan permohonan semakin meningkat dan Kementerian sedang berusaha mempercepatkan proses tersebut bagi memudahkan peniaga. Lesen tersebut diberikan untuk tempoh maksimum lima tahun.

**SH:** Sinar Harian telah melakukan beberapa tin-



● ISMAIL SABRI YAAKOB

jauan untuk mendapatkan maklum balas orang ramai dan kebanyakan mereka memberitahu bahawa mereka susah hendak mendapatkan bekalan pada masa kini dan berpendapat sekiranya peruncit dikenakan lesen, semakin susah bekalan diterima. Apa pendapat Datuk Seri?

*Sinar Harian 11071206 MS 149*  
**ISMAIL SABRI:** Sebenarnya ada lesen lagi senang. Untuk jangka panjang langkah inilah yang sebenarnya membantu pihak kementerian membuat pemantauan bekalan agar tidak habis di pasaran.

Bila ada lesen, kita boleh tahu berapa banyak bekalan dan keperluan di sesebuah kawasan. Dari semasa ke semasa apabila permintaan meningkat, mudah bagi Kementerian untuk memastikan pengeluaran ditambah. Jadi tidak akan ada masalah kekurangan bekalan seperti yang berlaku sebelum ini. Pengguna perlu tahu inilah salah satu sebab mengapa lesen ini dikuatkuasakan.

Saya berikan contoh kepada tiga barang kawalan sebelum ini iaitu ayam, besi dan simen. Selepas dua tahun kerajaan memansu-

hkan kawalan harga, kerajaan kini telah bersedia untuk memansuhkan pula lesen kawalan, kerana pemantauan mendapati masalah bekalan barangan itu sudah dapat diatasi. Lesen itu sebenarnya membantu kerajaan mengenal pasti kawasan mana yang memerlukan peruntukan lebih.

**SH:** Benarkah lesen pemborong dimonopoli golongan bukan Melayu Datuk Seri?

**ISMAIL SABRI:** Memang pada masa ini lebih ramai kaum bukan Melayu yang mempunyai lesen pemborong, bagaimanapun kita telah membekukan lesen tersebut dan Kementerian telah membuka permohonan sebagai pemborong kepada koperasi-koperasi dan persatuan di seluruh negara.

### INFO

#### Nombor bilik gerakan KPDNKKK

- Putrajaya: 03 88826085/6245/6226
- Perlis: 04 9795014
- Pulau Pinang: 04 2616167/6168
- Kedah: 04 7001745
- Perak: 05 2493403
- Selangor: 03 55125485
- Wilayah Persekutuan: 03 40454471
- Melaka: 06 2883002
- Negeri Sembilan: 06 6016509
- Johor: 07 2272811/2833
- Pahang: 09 5121234
- Terengganu: 09 6204700/4693
- Kelantan: 09 7416000
- Sarawak: 082 4666052
- Sabah: 088 484500

**Waktu operasi:**  
8 pagi hingga 10 malam.  
**Talian aduan pengguna (bebas tol):** 1800-886-800  
**SMS aduan:** 32255  
**No faks bilik gerakan:**  
03 88826083 dan 03-88826088